

## Promosi kegiatan fizikal

February 5, 2021

**BANDAR SERI BEGAWAN, 4 FEB** – Peringkat kedua Program Kesihatan dan Tempat Kerja (WAH) 2.0 tahun 2020/2021, program kerjasama perkongsian awam swasta (PPP) Kementerian Kesihatan dan Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (GJPMC) Sdn Bhd, dijalankan di 13 buah kementerian kerajaan.

Ini termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Pembangunan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Tenaga.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan, telah mengadakan majlis penandatanganan perjanjian kontrak dan taklimat untuk 13 studio kecergasan yang dicalonkan pada 12 dan 18 November 2020 serta 1 Februari lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan, Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr Hajah Norhayati binti Haji Kassim telah mewakili pihak Kementerian Kesihatan menandatangani kontrak tersebut bersama Timbalan Ketua (1) Pusat Promosi Kesihatan, Haji Zakaria bin Haji Kamis.

Setiap studio kecergasan telah diperuntukkan kepada kementerian masing-masing semasa majlis tersebut, tambah kenyataan.

Kenyataan menjelaskan, setiap kementerian diperuntukkan sebanyak 30 sesi senaman yang dijalankan oleh studio kecergasan yang dicalonkan. Manakala itu, sebanyak 70 sesi senaman WAH dari 10 kementerian telah dijalankan sejak Disember 2020.

Kementerian Kesihatan berhasrat program berkenaan akan dapat meningkatkan dan memperluaskan pengetahuan dan kecekapan peserta mengenai cara hidup sihat di tempat kerja serta mempromosi kegiatan fizikal untuk mengekalkan berat badan yang sihat dan menyumbang kepada pengurangan kadar penyakit-penyakit yang tidak berjangkit di negara ini sekali gus merealisasikan visi Kementerian Kesihatan iaitu "Bersama ke arah Warga Sihat" dan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu kualiti kehidupan yang tinggi.

Kenyataan menyatakan bahawa Program WAH merangkumi beberapa komponen seperti sesi pemeriksaan dan pemantauan kesihatan fizikal, khususnya, bagi pemantauan tekanan darah dan indeks jisim badan (BMI) dan sesi senaman berkumpul sebelum, semasa atau selepas waktu bekerja secara percuma yang diketuai oleh studio kecergasan.



Yang Berhormat Menteri Kesihatan ketika melakukan sesi senaman bersama warga Kementerian Kesihatan di Pusat Promosi Kesihatan. – Gambar serahan Kementerian Kesihatan



Salah seorang daripada wakil studio kecergasan yang terlibat semasa bertukar dokumen pada majlis penandatanganan tersebut.